

# Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan Perkembangan Ekonomi di Malaysia

## *Goods and Services Tax (GST) and Economic Development in Malaysia*

Lee Siew Lian  
<sup>1</sup>Aminudin Mokhtar

Ekonometri dan Gunaan Statistik  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Correspondence: aminudin@ukm.edu.my  
leesiewlian89@gamil.com

### ABSTRAK

*Perdana Menteri Ke-6, Dato' Sri Haji Mohammad Najib Bin Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan bahawa cukai barang dan perkhidmatan (GST) akan dilaksanakan dengan kadar 6% secara keseluruhan di Malaysia pada 1 April 2015 selepas membentangkan Bajet 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013. Kemunculan cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah melicinkan sistem percukaian negara dan mempelbagaikan sistem pendapatan negara. Tetapi, pengenalan cukai GST juga menyebabkan masalah inflasi berlaku dengan diikuti oleh masalah samping. Kekurangan pengetahuan berkaitan cukai GST sehingga kebanyakan rakyat Malaysia menyalahfahamkan terhadap sistem GST dan menimbulkan perasaan tidak pasti terhadapnya. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji keadaan ekonomi Malaysia selepas, semasa dan selepas GST. Tambahan pula, pandangan mahasiswa/i IPTA/ S terhadap sistem percukaian GST dan SST di Malaysia juga merupakan salah satu objektif utama dalam kajian ini. Pemuda merupakan tulang punggung pembangunan Nasional dalam mengisi kemajuan ekonomi Malaysia. Oleh itu, para pemuda perlu dituntut dengan penuh kreatif, tangkas, dan bijak dalam menangani isu-isu sekitar. Sekiranya berlaku menyalahfahamkan terhadap dasar negara, maka mudah menyebabkan para pemuda menghilangkan keyakinan dan kepercayaan terhadap tanah air sendiri-Malaysia dengan secara tidak langsung juga akan mempengaruhi keadaan Malaysia dari segi ekonomi, sosial, bangsa dan sebagainya. Untuk menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah kaedah Primer dan kaedah Sekunder semasa mengumpulkan, memproses dan menganalisis maklumat dan data yang diperolehi. Berdasarkan keputusan yang dikumpulkan, pengkaji mengetahui bahawa peratusan sumbangan cukai GST kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah lebih besar jika berbanding dengan peratusan sumbangan cukai SST. Misalannya, sumbangan cukai barangan dan GST semakin meningkat daripada RM27,012 juta pada tahun 2015 hingga RM43,800 juta pada tahun 2018. Walaupun sumbangan cukai GST adalah lebih banyak daripada cukai SST, tetapi seramai 28 orang responden bersamaan 56% menyokong bahawa sistem cukai SST lebih berkesan dalam mengawal barangan dan perkhidmatan di Malaysia. Penggantian cukai GST dengan cukai SST, bukan sahaja menyebabkan hasil pendapatan negara menurun, mahupun juga mengurangkan bantuan kerajaan kepada rakyat Malaysia. Misalnya, Bantuan kad siswa kepada mahasiswa/I IPTA/S telah menurun daripada RM250 pada tahun 2018 kepada RM100 pada tahun 2019. Walaupun sistem percukaian negara Malaysia telah berubah*

*daripada sistem GST kepada cukai SST, malahan kos sara hidup rakyat Malaysia tidak menunjukkan perubahan yang significant kerana perubahan sistem percukaian hanya menyumbang kepada KDNK negara dan bukan taraf hidup masyarakat.*

## **1. Pengenalan**

Pada 1 April 2015, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) mula diperkenalkan oleh pihak pentadbir di Malaysia. Kemunculan cukai GST telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ramai orang awam dalam masyarakat berasa keliru terhadapnya dan kurang memahami tujuan cukai GST dilaksanakan, kebaikan yang boleh diperoleh daripada sistem cukai ini. Walaupun cukai GST mula diumumkan pada pembentangan Bajet 2015 dan dicadangkan untuk berkuatkuasa bermula 1 Januari 2007 dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan, tetapi masih wujud masalah ketidakfahaman orang awam terhadap objektif cukai GST dilaksanakan sehingga menimbulkan masalah ketidakpastian dalam masyarakat apabila cukai ST mula dijalankan secara keseluruhan dalam Malaysia.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan kebanyakan negara yang telah melaksanakan GST pada peringkat dunia juga mengalami pelbagai masalah yang agak sama pada peringkat awal pelaksanaan GST. Menurut Jenkins dan Khadka (1998), beliau menyatakan bahawa masalah yang timbul daripada pelaksanaan GST di Singapura adalah berkaitan dengan kos pematuhan permulaan GST yang perlu ditanggung oleh setiap perniagaan. Sebelum cukai GST diperkenalkan di Singapura, pihak kerajaan Singapura tidak mengenakan sebarang bentuk cukai penggunaan kepada rakyat Singapura. Dengan ini, ia menyebabkan masalah kesukaran setiap perniagaan untuk memungut hasil GST pada peringkat permulaan dan setiap perniagaan juga perlu menaiktaraf sistem komputer dan sistem perakaunan selaras dengan keperluan sistem GST.

Menurut Tran-Nam (2000), pelaksanaan cukai baharu seperti cukai GST di Australia akan menyebabkan peningkatan terhadap dua jenis kos yang baru, iaitu kos pematuhan permulaan dan juga kos pematuhan berulang. Menurut Huang dan Liu (2009), kemunculan cukai GST akan memberi impak kepada harga dan kos pematuhan yang sangat besar kerana ia menyebabkan peningkatan kos terhadap perniagaan dan juga pengguna. Dengan ini, peniaga dan pengguna terpaksa menanggung kos tersebut untuk memenuhi keperluan dan keinginan dalam kehidupan dengan secara tidak langsung, kos sara hidup bagi penduduk sesebuah negara ini telah meningkat, dan juga menyebabkan masalah inflasi berlaku dalam negara tersebut.

Di Malaysia, kemunculan sistem cukai GST telah membawa impak kepada peniaga dan pengguna. Kewujudan cukai GST turut mendorong industri kecil dan sederhana (PKS) terpaksa berdepan dengan kos operasi yang tinggi berbanding syarikat besar. Menurut kaji selidik yang dijalankan terhadap PKS pada tahun 2013 dan 2014 oleh SME Corporation Malaysia (Laporan Tahunan PKS 2013/14), laporan ini menjelaskan bahawa peningkatan terhadap harga seperti bekalan elektrik, bahan api dan gas asli, gula, yuran perubatan, premium insurans serta kos pekerja menyebabkan penambahan terhadap kos operasi PKS. Malahan, PKS juga perlu menghadapi satu lagi halangan besar dalam mengembangkan perniagaan apabila terpaksa menanggung bebanan kos tambahan lain iaitu kos mematuhi sistem GST di samping kos sedia ada.

Tambahan pula, kemunculan sistem cukai GST juga membawa kesan negatif kepada masyarakat. Menurut Singh pada tahun 2007, pengenalan cukai GST boleh membawa kesan peningkatan satu masa dalam kos sara hidup, kebarangkalian membawa kepada inflasi yang tidak tinggi. GST boleh membawa kepada peningkatan dalam harga pengguna pada peringkat

awal pelaksanaan tetapi cukai GST tidak akan mempunyai kesan besar ke atas inflasi. Menurut pandangan James dan Zheshi (2004), beliau menegaskan bahawa apabila sistem cukai VAT diperkenalkan di China pada tahun 1994, ia tidak menyebabkan inflasi meningkat dalam negara sedangkan cukai VAT menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan meningkat dalam negara. Tambahan pula, Implementasi Cukai Perkhidmatan dan Barangan akan memberikan kesan kepada golongan miskin dan sederhana di Malaysia. Bagi golongan miskin dan sederhana, mereka terpaksa menggunakan wang yang lebih untuk memperoleh sesuatu barang dan perkhidmatan.

Sistem cukai GST merupakan langkah dalam dasar fiskal kerajaan bertujuan untuk memperluas dan mempertingkatkan sumber pendapatan negara. Sebelum sistem cukai GST dilaksanakan, hasil negara hanya bergantung pada cukai pendapatan individu dan korporat serta dividen petroleum oleh PETRONAS. Misalnya, kira-kira dua juta orang sahaja yang membayar cukai pendapatan, manakala hasil petroleum pula semakin berkurangan. Oleh itu, pelaksanaan sistem cukai GST sebagai satu bentuk cukai kepenggunaan akan berupaya meningkatkan hasil atau pendapatan kerajaan, malahan pihak kerajaan juga boleh menggunakan hasil tersebut untuk membantu lebih ramai golongan berpendapatan rendah. Misalnya, pihak kerajaan menggunakan hasil lebihan memberi bantuan untuk ibu tunggal (RM100 sebulan untuk seorang anak), orang kurang upaya (bantuan RM350 sebulan untuk individu yang tidak upaya bekerja), warga emas (bantuan RM300 sebulan untuk warga emas supaya boleh menyara hidup mereka) dan sebagainya. Hal ini bukan sahaja boleh mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat, tetapi ia juga boleh meningkat tahap kualiti kehidupan dalam masyarakat.

Selain itu, sistem cukai GST juga membolehkan pihak kerajaan mengurangkan cukai korporat dan cukai pendapatan individu. Pengurangan cukai korporat dan cukai pendapatan individu boleh menggalakkan pelaburan. Pelaburan yang banyak dan pelbagai mewujudkan peluang pekerjaan di pasaran, mengekalkan bakat-bakat serta menjadikan negara Malaysia lebih berdaya saing. Dengan ini, GST akan membantu negara Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tambahan pula, sistem cukai GST juga memainkan peranan yang lebih cekap, telus dan adil kerana ia dapat memastikan setiap individu akan membayar cukai kepenggunaan pada barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST. Semua orang akan menyumbang melalui GST mengikut kemampuan berbelanja mereka. Sedangkan, cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) hanya menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih mahal kerana cukai SST dikenakan pada peringkat kilang sahaja di mana seseorang peniaga akan memindahkan cukai tersebut kepada pelanggan.

Maka persoalannya adalah bagaimana sistem cukai GST menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia. Oleh itu, pengkaji mendapati perlunya menjalankan kajian berkaitan sistem cukai GST di Malaysia supaya boleh memberikan satu gambaran yang jelas bahawa kemunculan sistem cukai GST telah meningkat hasil kerajaan dari segi berbagai-bagai aspek, mahupun kajian ini juga boleh mengurangkan tahap masalah kesefahaman terhadap sistem cukai GST dalam kalangan mahasiswa/ mahasiswi IPTA/S.

## **2. Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, beberapa objektif kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa objektif kajian telah dikenal pasti iaitu:

- i. Menganalisis prestasi ekonomi Malaysia sebelum, semasa dan selepas cukai GST.
- ii. Untuk mengkaji persepsi Mahasiswi/mahasiswa IPTA/S terhadap sistem cukai GST/SST di Malaysia.


### 3. Kaedah Kajian

Menurut J. Supranto, beliau menyatakan bahawa penyelidikan atau kajian adalah satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk menjelaskan sesuatu persoalan. Oleh demikian, sesuatu kajian amat bergantung pada metodologi sebagai cara untuk memperoleh data serta mencapai matlamat kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan bagaimanakah kajian ini dijalankan secara mendalam dalam konteks reka bentuk kajian yang telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Antara aspek-aspek yang dibincangkan meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, lokasi kajian, populasi kajian, pensampelan kajian, prosedur kajian, permasalahan kajian dan kaedah analisis data.

#### 3.1 *Rekabentuk Kajian*

Berdasarkan bentuk persoalan kajian yang dibina oleh pengkaji, kajian ini adalah lebih bersifat kepada kuantitatif. Menurut Sugiyono (2009), pendekatan kuantitatif dapat ditakrifkan sebagai satu metod penelitian yang digunakan untuk mengkaji pada suatu populasi atau sampel tertentu. Manakala menurut Mohamad Najib (1999), pendekatan kuantitatif adalah satu kajian yang berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor, dan kekerapan *numerical* data. Selain itu, pengkaji juga memilih pendekatan kaedah yang bersifat kualitatif dalam menyokong dan mengukuhkan dapatan kajian. Menurut Rohana (2003), pendekatan kualitatif adalah kaedah yang lebih menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisis secara realiti sosial. Walaupun kedua-dua pendekatan ini adalah berbeza antara satu sama lain, namun pengkaji juga turut menggunakan kedua-dua pendekatan ini atau dikenali dengan kaedah campuran dalam menyempurnakan kajian ini. Justeru dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua pendekatan kaedah kajian iaitu kaedah bersifat kuantitatif dan kualitatif. Hal ini kerana tajuk dan persoalan kajian ini adalah amat memerlukan kedua-dua bentuk pendekatan ini dalam menguatkan dapatan kajian. Justeru, soal-selidik telah dipilih sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat mengenai persepsi mahasiswa/I UKM terhadap sistem cukai GST/SST di Malaysia.

#### 3.2 *Populasi dan Pensampelan*



RAJAH 1. Populasi mahasiswa/i di Universiti Kebangsaan Malaysia

Sumber: Portal Rasmi UKM

Populasi mahasiswa/i di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dianggap mencapai seramai 16,777 orang pada tahun 2018. Bilangan mahasiswa/i UKM yang bertahap sarjana muda

adalah sebanyak 68.55% iaitu seramai 11,500 orang manakala bilangan mahasiswa/i UKM yang bertahap sarjana atau ke atas adalah sebanyak 17.44% atau seramai 2,926 orang. Seterusnya, sebanyak 15.21% atau seramai 2,551 orang mahasiswa/i UKM adalah pelajar antarabangsa (*International students*) daripada 52 buah negara. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 50 orang responden yang melanjutkan pelajaran di kawasan UKM. Sampel responden yang terpilih adalah terdiri daripada pelbagai golongan etnik iaitu etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pensampelan jenis bukan kebarangkalian. Sampel yang dipilih mempunyai ciri-ciri sampel seperti seseorang yang mempunyai pengetahuan tahap asas bahasa Melayu, sempurna dari segi berfikiran, seseorang yang masih melanjutkan pelajaran di kawasan UKM dan sebagainya.

### **3.3 Instrumen Kajian**

Menurut Noraini Idris (2010), semua penyelidikan akan melibatkan pungutan data di mana data merujuk kepada maklumat yang diperoleh oleh penyelidik tentang penyelidikan. Antara contoh data ialah maklumat demografi, skor bagi item yang dibina oleh penyelidik dan respond kepada soalan penyelidik melalui temu bual dan borang soal-selidik. Jadi, dalam melaksanakan dan menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah sebagai instrumen kajian. Antara instrumen kajian ialah:

#### **3.3.1 Kajian Perpustakaan**

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan sumber-sumber bercetak dan sumber elektronik seperti buku-buku rujukan dan internet sebagai rujukan. Sepanjang penyelidikan ini, pengkaji telah menyelidik banyak buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini supaya dapat mengumpul lebih banyak lagi sumber informasi dan maklumat-maklumat tambahan sebagai bahan input demi menyempurnakan kajian ini. Demi menyempurnakan kajian ini, pengkaji juga telah mendapatkan sumber-sumber rujukan bercetak seperti buku-buku rujukan dan kajian-kajian lepas di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademik Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat tambahan yang bersumberkan internet dan laman portal seperti Portal Rasmi Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kastam Malaysia dan sebagainya. Misalnya, buku yang penyelidik kaji di Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM (PTSL) adalah “GST: Manfaat vs Beban?” ditulis oleh Nor Shamsinor Baharin”, “GST untuk bisnes & peniaga” diterbitkan oleh Norsa’adah Ahmad dan sebagainya.

#### **3.3.2 Soal-selidik**

Selain daripada kaedah pemerhatian dan temubual, pengkaji juga telah menggunakan kaedah soal-selidik dalam mendapatkan data kajian. Dalam kaedah ini, penyelidik telah menyediakan beberapa soalan yang diajukan kepada kakitangan sektor kerajaan dan sektor swasta. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil soal-selidik sebagai pengumpulan data primer. Soalan-soalan kajian soal-selidik ini telah dibuat dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik ini. Borang soal-selidik ini berbentuk tertutup dan disediakan dalam lima bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D yang berkaitan tentang maklumat responden, maklumat pendapatan responden, tahap pengetahuan terhadap sistem cukai GST/SST di Malaysia, keadaan ekonomi Malaysia sebelum dan selepas sistem cukai GST/SST serta perbezaan antara sistem cukai GST dan sistem SST di Malaysia. Borang soal-selidik ini mengandungi 30 soalan dan setiap responden dikehendaki menjawab semua soalan dengan teliti serta segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan satu set borang soal-selidik dan diedarkan kepada 50 orang responden secara rawak. Setiap responden diminta menjawab semua soalan dengan teliti.

### 3.4 Perincian Maklumat dalam Setiap Bahagian

#### *Bahagian A: Maklumat Responden.*

Bahagian ini mengandungi 8 item soalan yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, tahun pengajian, Universiti dan program pengajian.

#### *Bahagian B: Maklumat am tentang Sistem Cukai GST/SST di Malaysia*

Bahagian ini mengandungi 6 item soalan yang meminta responden memberi maklumat berkaitan maklumat sistem cukai GST/SST di Malaysia.

#### *Bahagian C: Tahap Pengetahuan terhadap Keadaan Perkembangan Ekonomi Malaysia Sebelum dan Selepas Cukai GST*

Bahagian ini mengandungi 14 item soalan yang meminta responden memberi maklumat berkaitan tahap pengetahuan terhadap keadaan perkembangan ekonomi Malaysia sebelum dan selepas cukai GST.

Kesemua soalan-soalan di bahagian B dan C adalah dibina dalam bentuk skala Likert. Untuk jawapan yang berbentuk skala Likert, skala adalah terdiri daripada sangat setuju hingga sangat tidak setuju yang mana angka 1 akan mewakili jawapan sangat tidak setuju, angka 2 akan mewakili jawapan tidak setuju, angka 3 pula mewakili jawapan tidak pasti, angka 4 mewakili jawapan setuju manakala angka 5 akan mewakili jawapan sangat setuju. Dalam bahagian B, skala Likert dalam bahagian ini terbentuk daripada Ya dan Tidak di mana angka 1 mewakili jawapan Ya manakala angka 2 pula mewakili Tidak. Dengan adanya skala yang diberikan, penyelidik dapat mengukur tahap berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden.

JADUAL 1. Skala Likert bagi soalan bahagian B

Variable	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2

JADUAL 2. Skala Likert bagi soalan bahagian C

Variable	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

### 3.5 Sampel Kajian

Sampel dalam penyelidikan ialah responden yang menjadi sumber informasi yang diperlukan dalam menyempurnakan kajian ini. Selain itu, menurut Mokhtar (2012), sampel ialah satu kaedah memilih sekumpulan individu untuk dijadikan sebagai responden bagi sesebuah kajian. Semasa dalam pemilihan sampel kajian bagi menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah menjalankan beberapa kaji selidik dan kajian rentas bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai populasi lokasi kajian. Hal ini bertujuan untuk memastikan sampel kajian yang dipilih oleh penyelidik dapat membekalkan data-data yang penting serta berguna sebagai dapatan kajian bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Sebelum penyelidik memulakan kajian ini, penyelidik telah berjumpa dan berbincang dengan pensyarah pembimbing

berkenaan pemilihan sampel kajian ini. Berdasarkan pandangan serta tunjuk ajar beliau, beliau telah membekalkan pandangan dalam memilih saiz sampel untuk mewakili populasi tertentu kerana pengkaji tidak berupaya untuk mendapatkan semua maklumat daripada populasi berkenaan.

### **3.5.1 Kaedah Pensampelan**

Dalam penyelidikan pendidikan, terdapat dua jenis pensampelan yang biasa digunakan. Antaranya ialah pensampelan ialah pensampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pensampelan yang jenis bukan kebarangkalian. Dengan erti kata lain, pengkaji telah memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri sampel seperti seseorang yang mempunyai pengetahuan tahap asas bahasa Melayu, sempurna dari segi berfikiran, seseorang yang masih melanjutkan pelajaran di kawasan UKM dan sebagainya.

### **3.6 Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah melakukan kajian ini berpandukan kepada dua kaedah yang utama iaitu rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Antara data-data primer ialah pengkaji telah melakukan kajian terhadap penyelidikan-penyelidikan lepas daripada jurnal, buku dan tesis yang disediakan di institusi pendidikan seperti di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada itu, pengkaji juga telah mendapatkan maklumat tambahan yang bersumberkan internet dan laman portal milik Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kastam Malaysia dan sebagainya.

Selain daripada itu, untuk mendapatkan maklumat daripada sampel kajian ini, penyelidik telah menyediakan beberapa soalan yang berbentuk maklumat peribadi seperti tahap pendidikan, maklumat pendapatan dan lain-lain sebagai item-item soalan dalam borang soal selidik. Seterusnya dalam mendapatkan semula maklum balas daripada sampel kajian, penyelidik telah memberikan ruang masa yang mencukupi kepada responden untuk melengkapkan butiran-butiran yang seharusnya di dalam borang soal selidik. Setelah mendapatkan semua maklumat yang dibekalkan oleh responden, pengkaji telah menyusun dan mengkategorikan semula maklumat-maklumat dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences* atau dikenali sebagai SPSS. Tujuan langkah ini adalah untuk memperlihatkan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam kajian ini dalam keadaan yang tersusun kemas dan mengikut topik yang telah ditentukan.

### **3.7 Kaedah Analisis Data**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pakej menggunakan *Statistical Package for Social Science* untuk menganalisis data yang dikumpul melalui borang soal selidik. *Statistical Package for Social Science* (SPSS 16.0) telah digunakan oleh pengkaji menganalisis data kerana dapat memberikan statistik deskriptif seperti kekerapan, taburan frekuensi, ukuran-ukuran seperti min, mod, dan penengah serta ukuran-ukuran serakan seperti varian dan sisihan piawai dan peratusan yang penting dalam menerangkan pemboleh ubah bebas seperti ciri-ciri sosial-demografi dan sosial-ekonomi responden. Dengan itu, SPSS dapat membantu pengkaji memenuhi segala penganalisan data yang sesuai yang bertepatan dengan objektif kajian serta dapat menggambarkan jadual hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah bebas.

Bagi menyempurnakan sesebuah kajian yang baik, metodologi dan kaedah-kaedah telah memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana metodologi kajian adalah seumpama petunjuk jalan bagi penyelidik untuk mendapatkan data-data atau maklumat yang berkaitan daripada responden kajian. Selain daripada itu, metodologi kajian juga penting dalam mencapai objektif serta matlamat kajian seperti yang dirancang pada

permulaan kajian. Justeru, dengan menggunakan beberapa kaedah yang ditentukan, pengkaji dapat menghasilkan kajian yang berkualiti

#### 4. Dapatan Kajian

##### 4.1 Prestasi Ekonomi Malaysia Sebelum, Semasa dan Selepas Cukai GST


*Peratusan Sumbangan cukai GST dan cukai SST pada tahun 2000 hingga 2018*



RAJAH 2. Peratusan sumbangan cukai GST dan cukai SST pada tahun 2000 hingga 2018

Sumber: Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia

*Hasil Kerajaan Persekutuan pada Tahun 2000 hingga Tahun 2018*



RAJAH 3. Hasil kerajaan Malaysia pada tahun 2000 hingga 2018

Sumber: Laman web Kastam, 2015

Menurut Jabatan Penerangan Malaysia, cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah sejenis cukai kepenggunaan yang berasaskan kepada nilai ditambah. Untuk menjamin kepentingan setiap lapisan masyarakat, kerajaan telah mengumumkan cukai GST akan mula dikuatkuasakan secara keseluruhan di Malaysia pada April 2015 pada kadar 6 peratus dengan



bertujuan untuk menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) di samping juga untuk melicinkan sistem percukaian di Malaysia.

Rajah 3 menunjukkan kepada hasil kerajaan pada tahun 2000 hingga tahun 2018. Sepanjang tahun 2000 hingga ke tahun 2015 April, sistem percukaian jualan dan perkhidmatan telah dilaksanakan secara keseluruhan di Malaysia. Cukai SST merupakan sejenis cukai yang dikenakan kepada pengilang sahaja dan pengilang tidak boleh dituntut. Cukai SST ini dikenali sebagai salah satu kos kepada perniagaan. Kadar cukai SST berada pada 10% (untuk cukai jualan) dan 6% (untuk cukai perkhidmatan) yang dikenakan ke atas pengeluaran dan perkhidmatan akhir sahaja. Malahan, senarai pengecualian barangan bercukai bagi cukai SST adalah lebih sedikit berbanding dengan cukai GST.

Sumbangan bagi cukai perkhidmatan kepada ekonomi Malaysia adalah mengalami peningkatan di mana ia meningkat dari RM1,701 juta pada tahun 2000 kepada RM6,275 juta pada tahun 2014. Manakala, sumbangan bagi cukai jualan adalah mengalami turun naik di Malaysia. Misalnya, sumbangan cukai jualan meningkat dari pada RM5,968 juta pada tahun 2000 kepada RM9,243 pada tahun 2002 iaitu meningkat sebanyak 54.88% atau RM3,275 juta tetapi mengalami kejatuhan pada tahun 2003 di mana cukai tersebut hanya mencapai RM7,963 juta pada tahun 2003. Cukai Jualan terus menurun kepada RM6,86 juta pada tahun 2004 dan sumbangan kepada ekonomi pada tahun ini hanya mencapai 8.62%.

Ketidakstabilan ekonomi Malaysia menyebabkan sumbangan cukai jualan dan cukai perkhidmatan mengalami keadaan turun naik antara tahun 2003 hingga tahun 2007. Hal ini disebabkan oleh krisis harga makanan sedunia tahun 2007 dan tahun 2008 yang mengakibatkan keadaan krisis di sesetengah kawasan termiskin di dunia. Pemulihan ekonomi Malaysia telah meningkatkan sumbangan cukai jualan dan cukai perkhidmatan kepada hasil kerajaan daripada RM6,642 juta atau 6.90% pada tahun 2007 hingga RM8,374 juta atau 7.33% pada tahun 2008. Sumbangan cukai jualan dan cukai perkhidmatan kepada hasil kerajaan mula meningkat daripada RM8,603 juta bersamaan 7.53% pada tahun 2009 hingga RM10,939 atau 7.80% pada tahun 2014.

Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) mula dilaksanakan pada 1 April 2015. Sumbangan cukai barangan dan perkhidmatan semakin meningkat daripada RM27,012 juta pada tahun 2015 hingga RM43,800 juta pada tahun 2018. Pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) telah meningkatkan sumber hasil negara. Misalnya, kerajaan Malaysia telah berjaya mengurangkan cukai korporat daripada 27% hingga 24% pada tahun 2017. Kadar cukai pendapatan peribadi juga mengalami menurun daripada 28% pada tahun 2008 kepada 24% pada tahun 2015. Kejatuhan cukai korporat telah membawa kebajikan kepada rakyat Malaysia seperti kemampuan memiliki barangan dan perkhidmatan seseorang rakyat Malaysia telah meningkat jika berbanding dengan tahun sebelum. Walaupun cukai barangan dan perkhidmatan dikenakan secara keseluruhan di Malaysia, tetapi kerajaan Malaysia telah mengecualikan makanan asas seperti beras dan utiliti daripada dikenakan cukai GST.

Berdasarkan Rajah 2, sumbangan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada ekonomi Malaysia didapati lebih besar daripada sumbangan cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Pada tahun 2015, sumbangan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada hasil negara telah mencapai sebanyak 12.335 di mana ia adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan SST (3.77%). Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, beliau menyatakan bahawa Malaysia akan menjadi negara defisit tanpa kutipan hasil RM45 bilion melalui pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada tahun 2015. Beliau juga menyatakan bahawa negara Malaysia juga tidak mungkin mampu mengutip hasil sebanyak RM45 bilion setahun di mana hail kutipan ini akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk bantuan pendidikan, pekebun kecil dan nelayan serta Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M).

Selain tu, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) secara keseluruhan di Malaysia juga telah berjaya mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil jualan minyak dan gas sebanyak 15 peratus. Berdasarkan kajian Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Abdul Wahid Omar menyatakan bahawa rizab minyak dan gas di Malaysia hanya mampu bertahan sehingga 20 tahun sahaja dan mungkin menghadapi kepupusan sumber minyak dan gas. Walaupun memperkenalkan cukai GST mungkin membawa beban, tetapi pihak kerajaan telah mencuba sedaya mengambil langkah untuk pengimbangan dengan mengurangkan cukai individu, korporat, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M).

Menurut pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdul Wahid, beliau menyatakan bahawa cukai GST di Malaysia dengan kadar 6% adalah kadar cukai yang paling rendah jika berbanding negara lain di ASEAN dan dunia. Beliau juga meneruskan berkata bahawa kemunculan cukai GST tidak semestinya merosotkan ekonomi Malaysia. Menurut pandangan beliau, defisit fiskal negara daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah menurun daripada 6.4% pada tahun 2009 kepada 3.2% pada tahun 2015 selepas pengenalan cukai GST pada tahun 2015 dan seterusnya menurun 3% pada tahun 2017. Defisit fiskal negara daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga dijangka berkurangan kepada 2.8% pada tahun 2018 menerusi perbelanjaan berhemah. Dengan bukti ini, cukai GST juga boleh meningkatkan pendapatan per kapita sekali gus juga menjimatkan perbelanjaan negara.

Kesimpulan, pengenalan cukai GST bukan sahaja boleh melicinkan sistem percukaian negara mahupun juga boleh meningkatkan hasil negara seperti ditunjukkan dalam jadual 3. Hasil Negara telah menambahkan daripada RM 219,089 juta pada tahun 2015 kepada RM 239,860 juta pada tahun 2018 selepas pelaksanaan cukai GST. Kelebihan hasil kerajaan akan digunakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dalam bentuk pelbagai jenis bantuan seperti BR1M. Ini bermakna cukai yang dikeluarkan oleh rakyat Malaysia dalam bentuk wang akan disalurkan balik kepada rakyat Malaysia dalam bentuk bantuan seperti BR1M. Pengenalan cukai GST bukan sahaja meningkatkan hasil negara malahan juga menggalakkan pembangunan taraf hidup rakyat Malaysia.

JADUAL 3. Sistem cukai lebih berkesan dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan

Butiran	Bilangan ( orang )	Peratusan ( %)
GST	22	44
SST	28	56
Jumlah	50	100

#### **4.2 Persepsi Mahasiswi/Mahasiswa IPTA/S terhadap Sistem Cukai GST/SST di Malaysia**

Analisis ini dilakukan untuk memahami tentang persepsi Mahasiswa/ i IPTA/S terhadap sistem cukai GST/SST di Malaysia. Seramai 50 orang responden telah menjawab soal selidik yang disediakan. Sebanyak 21 orang responden bersamaan 42% adalah lelaki daripada 50 orang responden. Manakala, 29 orang responden bersamaan 58% adalah perempuan. Mengikut keputusan soal-selidik, pengkaji mendapati bahawa majoriti Mahasiswa/I IPTA/ S mempunyai tahap kefahaman terhadap sistem cukai GST yang tinggi. Misalnya, hampir 90% atau 45 orang mengetahui bahawa sistem cukai GST mula berkuat kuasa pada 1 April 2015 di Malaysia dengan kadar piawai sebanyak 6%. Tambahan pula, seramai 46 responden menyetujui bahawa kemunculan sistem cukai GST boleh mereformasikan sistem percukaian negara. Walaupun majoriti mahasiswa/i IPTA/ S mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi terhadap sistem cukai GST, malahan kebanyakan mahasiswa/i IPTA/ S tidak mempersetujui bahawa keadaan ekonomi akan bertambah baik selepas cukai GST dilaksanakan. Hal ini

kerana majoriti responden menyatakan bahawa kemunculan cukai GST hanya meningkat kos sara hidup rakyat dan menyebabkan masalah inflasi berlaku. Oleh hal yang demikian, majoriti responden berasa cukai SST lebih baik dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan di pasaran jika berbanding dengan cukai GST.

Apabila ditanyakan mengenai GST adalah sejauh mana satu sistem cukai lebih berkesan dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia. Sebanyak 56% responden menyatakan bahawa mereka setuju bahawa cukai SST lebih baik dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan jika berbanding dengan cukai GST. Manakala 44% lagi menyatakan bahawa mereka lebih menekankan kepada cukai GST. Berdasarkan pandangan mahasiswa/i IPTA/S, mereka berpendapat bahawa cukai GST lebih beban kepada rakyat jika berbanding dengan cukai SST. Hal ini kerana cukai jualan hanya dikenakan di peringkat pengilang atau pengguna manakala cukai perkhidmatan dikenakan pada pengguna yang menggunakan perkhidmatan bercukai. Oleh itu, majoriti mahasiswa/I IPTA/S merasakan bahawa cukai SST adalah lebih kurang beban jika berbanding dengan cukai GST kerana cukai GST dikenakan pada setiap peringkat rantaian pembekalan iaitu pada pihak pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna dan akan membebankan mereka.

## Rujukan

- Abdul Aziz Awang. (2010). Pelaksanaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST). Capaian [http://www.icu.gov.my/pdf/artikel/gst\\_artikel.pdf](http://www.icu.gov.my/pdf/artikel/gst_artikel.pdf)
- Ahkong dan Alain. (1993). *Singapore prepares to impose a goods and services tax*. Washington: East Asian Executive Reports.
- Bank Negara Malaysia. (2010). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2010/ar2010\\_buku.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2010/ar2010_buku.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2011). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_press&pg=bm\\_press&ac=2877&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press&ac=2877&lang=bm)
- Bank Negara Malaysia. (2014). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=21&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=21&lang=bm)
- Bank Negara Malaysia. (2015). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=23&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=23&lang=bm)
- Bank Negara Malaysia. (2016). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=39&bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=39&bm)
- Bank Negara Malaysia. (2017). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=41&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=41&lang=bm)
- Bank Negara Malaysia. (2018). Laporan Tahun Bank Negara Malaysia, Capaian [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=43&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=43&lang=bm)
- Canada Revenue Agency. (2018). Laporan Tahunan Cukai China, Capaian <https://www.canada.ca/en/revenue-agency.html>
- Laman web Kastam, 2015. Diperoleh pada 2015 daripada <http://www.customs.gov.my/ms/Search/Pages/results.aspx?k=GST>
- Laman web Kastam, 2016. Diperoleh pada 2016 daripada <http://www.customs.gov.my/ms/Search/Pages/results.aspx?k=GST>
- Laman web Kastam, 2017. Diperoleh pada 2017 daripada <http://www.customs.gov.my/ms/Search/Pages/results.aspx?k=GST>

Laman web Kastam, 2018. Diperoleh pada 2018 daripada  
<http://www.customs.gov.my/ms/Search/Pages/results.aspx?k=GST>